

08/12/1998

Bapa Anwar miliki saham 20 syarikat

KUALA LUMPUR, Isnin - Ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pengikutnya menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengamalkan kronisme, nepotisme dan kolusi, bekas Timbalan Perdana Menteri itu membisu terhadap kepentingan perniagaan keluarga dan rakan rapatnya.

Senarai Pendaftar Syarikat menunjukkan anggota keluarga Anwar dan rakan rapatnya adalah peneraju korporat yang penting.

Bapanya, Datuk Ibrahim Abdul Rahman, bekas ahli Parlimen dan Setiausaha Parlimen, memiliki kepentingan perniagaan yang besar.

Sehingga pertengahan November, beliau menduduki lembaga pengarah lebih daripada 50 syarikat dan pemegang saham hampir 20 syarikat.

Beliau terus menduduki atau pernah menduduki lembaga pengarah syarikat awam yang disenaraikan seperti Pengkalen Holdings Bhd; Pengkalen Capital Bhd; IOI Corporation Bhd; Pan Malaysia Industries Bhd; Nissan Industrial Oxygen Bhd; dan Zaitun Bhd.

Syarikat lain termasuk Boral Concrete (Malaysia) Sdn Bhd; Ibrus Holdings Sdn Bhd; MS Construction and Engineering (M) Sdn Bhd; PPH Development (M) Sdn Bhd; Metromix Sdn Bhd dan Syarikat Bumiputra Sdn Bhd.

Difahamkan PPH Development (M) Sdn Bhd adalah sekutu PPH Country Resorts (Port Dickson) Sdn Bhd dan PPH Resorts (Penang) Sdn Bhd.

Antara syarikat beliau menjadi pemegang saham ialah Nissan Industrial Oxygen Incorporated Bhd (3,032,500 saham); Par Con Corporation (900,000 saham); Perumahan Muhibah Sdn Bhd (510,000 saham); Sri Kibar Sdn Bhd (285,000 saham); Westaflex Sdn Bhd (200,000 saham); dan Seribudi Services (M) Sdn Bhd (200,000 saham).

Selain bapanya, adik beradik Anwar - Marzuki dan Rani - juga terbabit dalam perniagaan.

Senarai ROC menunjukkan Rani memegang jawatan pengarah syarikat Azam Intensif Sdn Bhd manakala Marzuki sebagai pengarah lapan syarikat.

Syarikat-syarikat itu ialah Teraju Dinamik Sdn Bhd; Knight H & D Sdn Bhd; Ganjaran Jaya (M) Sdn Bhd; Rodatra Sdn Bhd; Sanjungan Niaga Sdn Bhd; CSPM Resources Sdn Bhd; Wrand Tank Industries (M) Sdn Bhd; Lityan Holdings Bhd; dan Bumijet Industries Sdn Bhd.

(END)